



**IKHLAS...Alias (kiri sekali) terima replika cek daripada Ahmad Shah (dua dari kiri).**

# **SISWA UPM PEKA**

**Kutip RM10,371  
untuk rakyat Iraq**

**Oleh Noor Azam Abd Aziz**  
[azam@hmetro.com.my](mailto:azam@hmetro.com.my)

**S**EKRETARIAT Kebajikan dan Keceriaan Kolej Tun Dr Ismail, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengutip derma RM10,371 dalam usaha mengurangkan beban penderitaan rakyat Iraq, baru-baru ini.

Kutipan derma berkenaan yang diserahkan kepada Aman Malaysia yang diwakili Alias Hamzah membuktikan keprihatinan siswa membantu golongan yang memerlukan.

Pengarah program, Ahmad Shah Barhanuddin, berkata usaha berkenaan jelas menunjukkan semangat persaudaraan di kalangan siswa dalam membantu rakyat Iraq yang menderita kerana peperangan.

Lebih membanggakan, katanya, ramai siswa mahu menderma walaupun program itu sudah tamat.

"Walaupun pada mulanya timbul keimbangan bahawa sasaran kutipan RM10,000 sukar diperolehi berikutan jangka masa kutipan tidak sampai dua minggu," katanya.

Usaha berkenaan adalah sumbangan yang amat besar daripada warga kampus dan membuktikan siswa prihatin terhadap pergolakan masyarakat antarabangsa walaupun sibuk dengan pelbagai tugas harian sebagai mahasiswa.

Antara objektif program itu adalah untuk meringankan penderitaan mangsa perang Iraq yang secara tidak langsung mewujudkan perasaan simpati dan keprihatinan siswa.

Dalam ucapannya, Timbalan Naib Canselor (Akademik) UPM, Prof Dr Muhamad Awang, berkata keprihatinan siswa itu perlu diteruskan pada masa depan.

Bagaimanapun, katanya, siswa diingatkan supaya tidak leka dengan keghairahan menganjurkan pelbagai program yang bukan berkorak akademik.

Beliau meminta siswa supaya tidak mudah berpuas hati dan memandang remeh terhadap pencapaian akademik mereka.

Ini berdasarkan statistik pencapaian akademik didapati majoriti siswa Melayu hanya memperolehi gred kelas kedua rendah dan kelas ketiga saja.